

**HERENG HIMALAYA**  
Himalayan Griffon

FAMILI: Accipitridae  
NAMA SAINTIFIK: *Gyps himalayensis*



**CIRI-CIRI**

Burung jantan dan betina tidak dapat dibezakan secara fizikal kerana masing masing mempunyai ciri-ciri berikut; bersaiz besar dengan paruh yang pendek dan tebal yang berwarna pucat, bahagian kepala yang berwarna pucat, bahagian leher yang kelihatan tebal, dengan bahagian badan dan sayap yang berwarna kuning keorenan pasir. Bulu pada bahagian pangkal leher berwarna kuning keorenan dan kecoklatan manakala bahagian kaki dan tapak kaki pula berwarna merah jambu. Bagi burung juvenil pula, ia kelihatan serupa dengan burung Hereng Tongkeng Putih (*Gyps bengalensis*) namun ia adalah lebih besar, dengan jalur-jalur berwarna putih di bahagian belakang hingga ke bahagian bulu tongkeng, manakala jalur di bahagian bawah sayap dan bawah badan adalah lebih jelas dan ketara. Bahagian kaki dan tapak kaki pula adalah lebih pucat. Bagi burung sub-dewasa pula, ia menunjukkan perkembangan di bahagian bawah badan dan bulu sayap yang lebih pucat sekaligus membezakannya dengan Hereng Tongkeng Putih.

**SAIZ**

Panjang keseluruhan spesies ini adalah di antara 115-125 sm.

**MAKANAN**

Ia memakan bangkai haiwan yang mati.

**HABITAT**

Burung ini boleh dilihat di kawasan terbuka dan pernah direkodkan di kawasan tanah rendah.

**BUNYI**

Ia kadang kala mengeluarkan bunyi mendengus dan berdesis.

**STATUS**

Akta 76/72, dipelihara.